

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

Sistem perlu audit keselamatan berkala

Sistem perlu audit keselamatan berkala

Putrajaya: Kerajaan perlu melaksanakan audit keselamatan secara berkala terhadap Sistem Pangkalan Data Utama (PADU), mengambil kira risiko ancaman serangan siber dan kemunculan teknologi baharu, kata Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab.

"Semakin luas rangkaian kita, maka semakin mudah kita terdedah. Kalau kita kata sekarang selamat, tak semestinya lima atau enam bulan akan datang in masih selamat."

"Sebab itu, kita perlukan audit untuk pastikan keselamatan pangkalan data terbaik," katanya, ketika menjadi panel pada Forum "Memacu Peralihan Melalui PADU" yang diadakan sempena Majlis Pelancaran PADU di Putrajaya, semalam.

Ahli panel lain dalam forum itu adalah Timbalan Ketua Pengarah (ICT) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Dr Fazidah Abu Bakar dan Pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial Universiti Malaysia, Prof Datuk Dr Norma Mansor.

Amirudin berkata, CSM akan memainkan peranan strategik untuk melaksanakan penilaian



Ahli panel (dari kiri) Fazidah, Amirudin dan Norma pada Forum 'Memacu Peralihan Melalui PADU' yang diadakan sempena Majlis Pelancaran PADU di Putrajaya, semalam. (Foto: BERNAMA)

keselamatan terhadap PADU, sama ada pada rangkaian pangkalan data dan hos PADU.

Teknologi mengubah cara pengguna menjalankan perniagaan dan menawarkan peluang kepada capaian berterusan pada agilites baharu, bagaimanapun fleksibiliti berkenaan memperkenalkan risiko dan ancaman keselamatan siber," katanya.

Baik jadi pengalih konten. Sementara itu, Norma berkata, PADU bakal menjadi "pengubah keadaan" dalam negara, justeru data di dalamnya perlu dikemas kini secara berkala untuk meng-

elakkan ia menjadi data statik.

Beliau berkata, pengemasan berkala menjadikan integrasi data lebih berkesan, pada masa sama dapat mengelak pertindihan maklumat dari pelbagai jahatan.

"Kita tidak mahu lagi orang yang meninggal dunia masih ada dalam data PADU dan mendapat bantuan, atau kita tidak mahu seorang mendapat bantuan kerusuhan roda daripada tiga entiti berlainan," katanya.

Norma berkata, keberwajarnan PADU berjirang kepada tindakan proaktif setiap peringkat program seperti Jabatan Pendaftran Negara, jabatan agama, dan han-

baga zakat hagi terus menyalurkan bantuan kepada golongan sasaran.

"Jika tidak, PADU adalah perpustakaan data semesta-nata dan rakyat yang perlu dibantu akan terus tercicit," katanya.

PADU adalah pangkalan data komprehensif yang mengandungi data mikro yang dilintaskan daripada pelbagai sumber agensi kerajaan.

Ia dibangunkan sepenuhnya oleh penjawat awam daripada tiga agensi utama, iaitu Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan (DOSM) dan MAMPU serta turut membabitkan kerjasama pelbagai agensi lain.